




Praktis Ekstra

Unit 6

Jiran Sepakat Membawa Berkat

1. Lengkapkan rajah di bawah dengan manfaat hidup berjiran. TP 2

i-THINK Peta Buih



2. Berdasarkan pernyataan di bawah, tandakan (✓) untuk sikap jiran yang positif dan tandakan (X) untuk sikap jiran yang negatif. **TP 3 KBAT Menilai**


Sikap Jiran	(✓) / (X)
(a) Membantu jiran semasa jiran mengalami kesusahan.	☐
(b) Membuang sampah ke dalam tong sampah jiran.	☐
(c) Melepaskan anjing sehingga menggigit jiran.	☐
(d) Menziarahi jiran yang sedang sakit.	☐
(e) Mengumpat jiran tentang sikap suka mabuk.	☐
(f) Menghantar makanan ke rumah jiran.	☐
(g) Tidak mengunjungi rumah jiran semasa sambutan hari perayaan di rumah jiran.	☐
(h) Menumpangkan jiran ke sekolah.	☐
(i) Membuka radio dengan kuat sehingga mengganggu jiran.	☐
(j) Membantu jiran membaiki basikal yang rosak.	☐
(k) Mencuri kasut dari rumah jiran.	☐
(l) Tidak menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan perumahan.	☐

Nama:

Kelas:

Tarikh:

3. Berdasarkan gambar yang diberi, jawab soalan-soalan yang berikutnya. TP 5 TP 6



(a) Apakah perasaan anda apabila mempunyai jiran seperti gambar di atas?

(b) Apakah perasaan anda jika jiran anda sombong dan tidak bertegur sapa dengan anda? Mengapa?

KBAT Menilai

(c) Jiran anda yang beragama Hindu menjemput anda untuk menyambut rumah terbuka. Nyatakan tindakan anda. **KBAT** Menganalisis

(d) Nyatakan **dua** tindakan yang boleh diambil terhadap jiran anda yang suka membuka radio dengan bunyi yang kuat pada waktu malam sehingga mengganggu anda sekeluarga untuk tidur.

KBAT Mengaplikasi

(i) _____

(ii) _____
